

SOALAN NO: 110

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

TARIKH: 24 MEI 2016

SOALAN:

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah Kursus dan Latihan profesional yang dianjurkan oleh Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) kepada warga Industri dan kaitannya dengan 1M GRIP.

PR-1342-L73907

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi memberi peluang kepada pekerja mengikuti kursus-kursus persijilan/akreditasi daripada badan persijilan dalam negara dan antarabangsa yang akan meningkatkan kemahiran dan membolehkan majikan menawarkan gaji yang tinggi, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) sedang melaksanakan program *1Malaysia Globally Recognised Industry and Professional Certification* (1MalaysiaGRIP). Pelaksanaan program ini menggunakan konsep *public-private partnership* di mana peruntukan bagi membiayai yuran latihan di bawah program ini adalah dari levi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan juga peruntukan daripada Kerajaan.

2. Menerusi perlaksanaan 30% dana terkumpul, PSMB telah memperuntukkan RM100 juta untuk 1MalaysiaGRIP. Sehingga 31 Mac 2016, jumlah baki dana untuk 1Malaysia GRIP adalah RM54 juta.

3. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan 1MalaysiaGRIP, sebanyak 869 kursus persijilan yang ditawarkan oleh 258 penyedia latihan telah diluluskan di bawah program 1MalaysiaGRIP ini. Sehingga April 2016, seramai 18,633 pelatih telah mengikuti program ini yang majoriti terdiri daripada negeri Selangor sebanyak 8,354 (45%) pelatih, diikuti Kuala Lumpur seramai 4,938 (27%) pelatih dan

penyertaan paling sedikit dari Terengganu dengan pelatih seramai 104 (0.5%). Berdasarkan 18,633 penyertaan, 13,509 (73%) adalah daripada majikan berdaftar dengan PSMB dan 5,124 (27%) adalah daripada majikan tidak berdaftar dengan PSMB.

### **30% Dana Terkumpul**

4. Berikutan kepada penggunaan levi 1Malaysia GRIP yang rendah di kalangan majikan, PSMB telah melaksanakan 30% dana terkumpul yang bakal digunakan oleh majikan berdaftar menerusi 6 program utama iaitu *Outplacement Centre*; program bagi pekerja yang diberhentikan, *Train and Replace*; program bagi menggantikan *expats* kepada pekerja Malaysia, *Upskilling and Reskilling*; program bagi PKS, *Future Workers*, *1Malaysia Globally Recognised Industry and Professional Certification (1MalaysiaGRIP)*, dan program-program yang dikenalpasti di bawah *Sectorial Training Committee (STC)*. STC merupakan jawatankuasa yang difokuskan untuk mengenal pasti latihan yang diperlukan oleh majikan mengikut industri.

5. Perlaksanaan 30% dana terkumpul ini adalah selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11 di mana Kerajaan telah menasaskan untuk melahirkan 35% pekerja berkemahiran dan 1.5 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG  
(HULU RAJANG)**

**TARIKH : 24 MEI 2016(SELASA)**

**SOALAN : 111**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilangan rumah-rumah panjang yang telah disambung dengan Bekalan Elektrik Luar Bandar di kawasan Tubau, Bakun dan Belaga setakat ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak **2,116 buah rumah panjang** yang telah disambung dengan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di kawasan Tubau, Bakun dan Belaga yang melibatkan peruntukan sejumlah **RM395.4 juta**.

Pecahan Mengikut Kawasan

<b>Bil.</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>	<b>Manfaat (Bilangan Rumah)</b>
1.	Tubau	26.0 juta	338
2.	Bakun	37.1 juta	563
3.	Belaga	332.3 juta	1,215
	<b>Jumlah</b>	<b>395.4 juta</b>	<b>2,116</b>